

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI  
[ PANDAN ]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017 | SELASA**

**SOALAN :**

**Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta PERDANA MENTERI menyatakan harga bidaan yang dikemukakan AirAsia, Malaysia Airlines dan Saudi Arabian Airlines bagi tender menyediakan penerbangan jemaah haji bagi setiap tahun 2010 hingga 2017 dan pembida yang dipilih bagi setiap tahun itu.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara syarikat penerbangan yang pernah dipelawa menyertai tender penerbangan Cartar Haji oleh Tabung Haji di antara tahun 2005 hingga 2017 adalah seperti berikut :-

1. Royal Jordanian Airlines
2. Etihad Airways
3. Emirates Airlines
4. Gulf Air
5. Saudi Arabian Airlines
6. Egypt Air
7. Oman Air
8. Qatar Air
9. Royal Brunei Airlines
10. Malaysia Airlines
11. Air Asia
12. Flynas

Dimaklumkan juga, syarikat penerbangan Cartar Haji yang dilantik dari tahun 2005 hingga 2016 adalah Malaysia Airlines dan Saudi Arabian Airlines. Manakala, bagi tahun 2017 syarikat yang dilantik adalah Malaysia Airlines dan Flynas (syarikat penerbangan Arab Saudi).

Setiap pembida yang dipilih bagi memberikan perkhidmatan penerbangan kepada jemaah haji negara, bukan sekadar mengambilkira harga yang ditawarkan, tetapi juga mengambilkira tahap keselesaan, hak pendaratan pesawat (*landing right*), kemampuan penggantian pesawat serta pematuhan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.